



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENERAPAN ELEMEN KEROHANIAN DALAM PROGRAM PENJAGAAN
KEBERSIHAN SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA***

MOHD TAUFIK BIN MOHD AYUP

FEM 2021 20



**PENERAPAN ELEMEN KEROHANIAN DALAM PROGRAM PENJAGAAN
KEBERSIHAN SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD TAUFIK BIN MOHD AYUP

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung di dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENERAPAN ELEMEN KEROHANIAN DALAM PROGRAM PENJAGAAN
KEBERSIHAN SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD TAUFIK BIN MOHD AYUP

Februari 2021

Pengerusi : Ahmad Nasir Mohd Yusoff, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kebersihan kawasan persekitaran yang baik mendorong pelestarian sebuah tamadun yang stabil. Pada tahun 2004, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program Peningkatan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah atau Program 3K. Program ini merupakan penambahbaikan daripada program sedia ada yang merangkumi tiga program yang berasingan iaitu Program Sekolah Selamat, Program Kesihatan dan Kebersihan serta Program Keceriaan dan Keindahan Sekolah yang telah dimulakan pada tahun 1991. Program ini nampak berjaya mengubah pemandangan kawasan sekolah yang lebih ceria dan selamat. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut mengadakan aktiviti memperkasakan budaya alam sekitar di sekolah dengan mewujudkan satu lagi program alam sekitar yang dinamakan Sekolah Lestari : Anugerah Alam Sekitar yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Program tersebut bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang mementingkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan sekali gus secara tidak langsung turut terlibat dalam usaha menjaga kebersihan sekolah. Namun akhirnya sebenarnya, kawasan sekolah yang bersih, ceria dan selamat yang dipersembahkan tidak semestinya menggambarkan budaya dan tingkah laku positif warga sekolah dalam menjaga kebersihan, keselamatan dan keceriaan kawasan sekolah. Hal ini kerana dari sudut yang lain, kes denggi kian meningkat dari masa ke masa. Air yang bertakung akibat sampah sarap menjadikan tempat pembiakan nyamuk aedes. Kes denggi yang kian meningkat menunjukkan bahawa sampah sarap kian meruncing. Keupayaan akademik pelajar semakin cemerlang kian tahun. Namun masalah kebersihan pula semakin meruncing kian tahun. Apakah kecemerlangan akademik tidak membantu mengurangkan sampah sarap atau menjadikan manusia lebih berakhlak mulia? Apakah sebenarnya persepsi pelajar dan masyarakat terhadap penjagaan kebersihan kawasan persekitaran? Untuk itu, perlu dirujuk kembali Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996 yang telah menggariskan bahawa usaha-usaha pendidikan negara ini adalah

melahirkan insan yang berpotensi secara menyeluruh dan seimbang yang menerapkan empat elemen asas iaitu intelek, emosi, jasmani dan rohani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Objektif kajian ini berhasrat melihat bagaimanakah penerapan elemen kerohanian dan mengenal pasti keberkesanan Program 3K dengan mengenal pasti persepsi, tingkah laku positif dan pembentukan sahsiah pelajar. Data dikumpul melalui pendedaran borang soal selidik. Alat kajian yang telah digunakan adalah dibina sendiri. Soal selidik diedarkan kepada 382 pelajar di negeri Selangor. Data yang diperoleh diproses dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 20*. Teknik analisis deskriptif digunakan untuk menilai tahap pengetahuan dan persepsi, ujian-t untuk melihat perbezaan antara pelajar bandar dengan luar bandar dan korelasi bagi melihat perkaitan tahap pengetahuan pelajar terhadap tingkah laku pelajar. Keputusan boleh disimpulkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap Program 3K tidak mendorong perilaku positif pelajar dalam menjaga kebersihan kawasan persekitaran. Hal ini disebabkan oleh pelaksanaan dan penerapan aspek kerohanian begitu lemah dan tidak diberikan perhatian dalam membina perilaku dan jati diri pelajar. Hal ini tidak menepati FPK yang bermatlamatkan pelajar yang seimbang dan menyeluruh dengan menerapkan empat komponen iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Hasil kajian melihat beberapa perkara penting. Antaranya; 1) secara keseluruhan pengetahuan pelajar terhadap Program 3K adalah pada tahap yang sederhana; 2) secara keseluruhan penerapan elemen-elemen Kerohanian dalam program penjagaan kebersihan dalam Program 3K adalah pada tahap sederhana; 3) persepsi pelajar terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan adalah persepsi positif; 4) tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah adalah tingkah laku positif; 5) persepsi pelajar terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan adalah perspektif yang negatif; dan 6) perkaitan songsang antara tahap pengetahuan dengan tingkah laku pelajar iaitu semakin tinggi tahap pengetahuan pelajar semakin rendah akhlak pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

IMPLIMENTATION OF SPIRITUAL ELEMENT IN SECONDARY SCHOOL CLEANLINESS PROGRAM IN SELANGOR, MALAYSIA

By

MOHD TAUFIK BIN MOHD AYUP

February 2021

Chairman : Ahmad Nasir Mohd Yusoff, PhD
Faculty : Human Ecology

Good cleanliness of surrounding areas is encouraged to sustain a stable civilization. In 2004, Kementerian Pendidikan Malaysia introduced Program Peningkatan Keselamatan, Kebersihan, dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah or Program 3K. The program as improvement of current program which is include of three separated program that is Program Sekolah Selamat, Program Kesihatan dan Kebersihan and Program Keceriaan dan Keindahan Sekolah which were started in 1991. The program successfully changes the school views more cheerful and safe. Besides that, Jabatan Alam Sekitar and Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar are also held empower of environment culture at school with create once more environment program named as Sekolah Lestari: Anugerah Alam Sekitar implemented at primer and secondary school. The program aims to form a school surroundings concern to preservation and conservation of nature in management, curriculum, co-curriculum and go green as well and at the same time involved to maintain hygiene indirectly. But in the end, the clean, cheerful and safe school is not necessarily show good culture and behavior school member in keep clean, safe and cheerful school surrounding. In other aspect, dengue cases are increased over the time. Stagnant water makes it a breeding ground for aedes. The increasing cases show the dirty is critical. Student good results over the time but cleanliness problem is increased as well. Is the better student result not decrease the rubbish and good attitude? What is the student's and society perception of the cleanliness of the surrounding area? Therefore, we have to refer Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996 has stated that educational efforts to produce potential human beings in a comprehensive and balanced manner that apply four basic elements namely intellectual, emotional, physical and spiritual based on faith and obedience to god. This study objective to see how the application of spiritual elements and identify the effectiveness of the 3K Program by identifying students' perceptions, positive behaviors and personality formation. The data is collected via survey form. The instrument to

be used is self built. The survey is distributed to 382 students in Selangor. The collected data is processed by using IBM SPSS Statistics 20 software. Descriptive analysis technique to be used to determined knowledge level and perception, t-test to see the differentiate between rural and urban student and the correlation to look the relevance between student knowledge levels toward their behavior. The result can be concluded that the student knowledge level toward Program 3K is not encourages to student positive behavior in surrounding cleanliness. This is due to the execution and application spiritual aspect is not concern in creating the student identity and behavior. This is not fulfills the FPK aim which is to thorough and balanced student by applying four components namely physical, emotion, spiritual and intellect. The results of the study look at some important things. Among them; 1) overall students' knowledge of the 3K Program is at a moderate level; 2) overall the application of spiritual elements in the hygiene program in the 3K Program is at a moderate level; 3) students' perception of the effectiveness of the 3K Program in schools, especially the hygiene component, is a positive perception; 4) students' behavior towards hygiene outside the school grounds is positive behavior; 5) students' perception of the responsibility of maintaining cleanliness is a negative perspective; and 6) the inverse relationship between the level of knowledge and student behavior that is the higher the level of student knowledge the lower the student morals. Data were collected through the distribution of questionnaires. The research tools that have been used are self-built. Questionnaires were distributed to 382 students in the state of Selangor. The data obtained were processed using IBM SPSS Statistics 20. Descriptive analysis techniques were used to assess the level of knowledge and perception, t-test to see the difference between urban and rural students and correlation to see the relationship of students' knowledge level to student behavior. The results can be concluded that the level of students' knowledge of the 3K Program does not encourage students' positive behavior in maintaining the cleanliness of the surrounding area. This is due to the implementation and application of spiritual aspects are so weak and not given attention in building student behavior and identity. This does not meet the FPK which aims for students who are balanced and comprehensive by applying the four components, namely physical, emotional, spiritual and intellectual.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah *subhaanahu wa ta'ala*, Tuhan seluruh alam. Selawat dan sejahtera atas junjungan mulia Nabi *Muhammad sallallaahu'alaihi wasallam* sebagai hamba-Nya dan utusan-Nya, serta atas ahli-ahli keluarga baginda dan para sahabat baginda *radhiallaahu'anhum*.

Pertama sekali, sekalung penghargaan diucapkan kepada seluruh ahli keluarga saya iaitu bapa saya Mohd Ayup bin Kasdi, emak saya Kasmijah binti Karimon, adik-beradik saya Norhidayah, Norhanim dan Mohammad Nasiruddin, isteri saya Amira Abd Jalil, atas segala bentuk sokongan dan dorongan yang telah diberikan sejak mula. Begitu juga penghargaan yang sama saya ucapkan kepada penyelia iaitu Dr. Hj. Ahmad Nasir Mohd Yusoff dan penyelia bersama iaitu Dr. Arfah Ab. Majid yang sentiasa bersemangat dan bertungkus-lumus sepanjang membimbing saya.

Tidak dilupakan juga penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada guru-guru yang lain yang selama ini terlibat secara tidak rasmi sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menunjuk ajar dan membimbing saya sama ada dalam menyiapkan tesis ini mahupun dalam menjalani kehidupan harian dan akan sentiasa diamalkan sehingga akhir hayat dalam menegakkan kebenaran dan menjunjung kalimah tauhid, *laa ma'bud bi haqqi fil wujud illa-Allaah*. *الله الا الوجود في بالحق معبود لا*

Sungguh tidak dilupakan penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan buat sahabat-sahabat handai yang tidak pernah jemu-jemu memberikan semangat, pertolongan serta tunjuk ajar tanpa mengira masa dan waktu, di manapun jua berada serta dengan pelbagai cara sama ada secara bersemuka ataupun melalui alat teknologi.

Tidak dilupakan juga untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak fakulti dan jabatan terutamanya staf-staf pegawai yang bertugas di pejabat timbalan dekan siswazah dan pejabat sekolah pengajian siswazah yang turut sering memberikan panduan serta peringatan kepada saya dari semasa ke semasa. Juga jutaan terima kasih kepada pihak WAZAN UPM atas kesetiaan dan kesediaan membantu saya sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Last but not least!, penghargaan terima kasih turut diberikan kepada para pemeriksa tesis ini kerana telah menjalankan amanah dengan baik sekali.

Insyaa-Allaah usaha ini tidak terhenti sehingga setakat ini, malah ini merupakan sebagai lesen permulaan dalam usaha kecil dalam membangunkan masyarakat atas nama kebenaran, *insyaa-Allaah*.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Nasir bin Mohd Yusoff, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arfah binti Ab. Majid, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 14 Oktober 2021

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Ahmad Nasir Mohd Yusoff

Tandatangan : _____
Nama ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Arfah Ab. Majid

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENGENALAN	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	11
1.2.1	Persoalan Kajian	16
1.3	Tujuan Kajian	17
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Kepentingan Kajian	17
1.6	Hipotesis Kajian	18
1.7	Definisi Istilah	19
1.8	Skop dan Limitasi Kajian	20
1.9	Konsep dan Teori	20
1.9.1	Konsep Pendidikan Ibn Miskawaih	22
1.9.2	Teori Perkembangan Moral Dan Etika	22
1.10	Kerangka Konsep	23
1.11	Kesimpulan	24
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	25
2.2	Konsep Kebersihan Menurut Agama	26
2.3	Tahap Pengetahuan, Kesedaran, Sikap dan Tingkah Laku dalam Kalangan Murid-murid terhadap Alam Sekitar	28
2.4	Tahap Pengetahuan, Kesedaran, Sikap dan Tingkah Laku dalam Kalangan Mahasiswa terhadap Alam Sekitar	30
2.5	Tahap Pengetahuan, Kesedaran, Sikap dan Tingkah laku dalam Kalangan Belia terhadap Alam Sekitar	31
2.6	Halangan di Peringkat Sekolah terhadap Alam Sekitar	31
2.7	Kesedaran dan Nilai Kerohanian Ibu Bapa terhadap Alam Sekitar	32
2.8	Persekitaran Islamik	32
2.9	Pembentukan Peribadi	33
2.10	Peranan dalam Pendidikan	34
2.11	Keselamatan Makanan	35
2.12	Kesimpulan	35

3	METODOLOGI	
3.1	Pendahuluan	37
3.2	RekaBentuk Kajian	37
3.3	Lokasi Kajian	39
3.4	Populasi dan Persampelan	39
3.5	Instrumen	
	3.5.1 Soal Selidik	43
3.6	Pengumpulan Data	
	3.6.1 Teknik Survei	45
	3.6.2 Penilaian oleh Arbiter	45
	3.6.3 Ujian Rintis	45
	3.6.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan	46
	3.6.5 Data Primer	46
	3.6.6 Data Sekunder	46
3.7	Analisis Data	
	3.7.1 Soal Selidik	47
3.8	Pengukuran Pemboleh Ubah	
	3.8.1 Antisiden	47
	3.8.2 Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	48
	3.8.3 Pemboleh Ubah Bersandar	48
	3.8.4 Pengukuran Tahap	48
3.9	Kesimpulan	49
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pendahuluan	50
4.2	Demografi Responden	50
4.3	Pengetahuan Pelajar terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	52
4.4	Penerapan Elemen-elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan Kebersihan dalam Program 3K	54
4.5	Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	55
4.6	Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	57
4.7	Persepsi Pelajar terhadap Tanggungjawab Menjaga Kebersihan	58
4.8	Perbezaan antara Tahap Pengetahuan Pelajar di Kawasan Bandar dengan Pelajar di Kawasan Luar Bandar terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	60
4.9	Perbezaan antara Tingkah Laku Pelajar di Kawasan Bandar dengan Pelajar di Kawasan Luar Bandar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	62
4.10	Perkaitan antara Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Program 3K Khususnya Komponen Kebersihan dengan Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia	63
4.11	Perbincangan	64
	4.11.1 Pengetahuan Pelajar terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	64

4.11.2	Penerapan Elemen-elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan Kebersihan dalam Program 3K	65
4.11.3	Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	66
4.11.4	Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	67
4.11.5	Persepsi Pelajar terhadap Tanggungjawab Menjaga Kebersihan	68
4.11.6	Perkaitan Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Program 3K Khususnya Komponen Kebersihan dengan Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	69
4.12	Kesimpulan	70
5	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	71
5.2	Tinjauan Kajian	71
5.3	Ringkasan Utama Penemuan Kajian	72
5.4	Limitasi dan Cadangan Kajian	72
5.5	Implikasi Kajian	73
5.5.1	Program 3K	73
5.5.2	Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan Persekitaran	74
5.5.3	Bimbingan Kerohanian	74
5.6	Kesimpulan dan Cadangan	74
	BIBLIOGRAFI	76
	LAMPIRAN	84
	BIODATA PELAJAR	92

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Penunjuk Penentuan Saiz Sampel	41
3.2	Jadual Sekolah di Negeri Selangor Darul Ehsan	42
4.1	Jadual Profil Demografi Responden	51
4.2	Jadual Hasil Analisis Diskriptif untuk Min, Sisihan Piawai, Minimum, Maksimum serta Peratusan Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan Keseluruhan Responden Kajian	53
4.3	Jadual Hasil Analisis Diskriptif untuk Min, Sisihan Piawai, Minimum, Maksimum serta Peratusan Tahap Penerapan Elemen-elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan Kebersihan dalam Program 3K	54
4.4	Jadual Hasil Analisis Diskriptif untuk Min, Sisihan Piawai, Minimum, Maksimum serta Peratusan Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	56
4.5	Jadual Hasil Analisis Diskriptif untuk Min, Sisihan Piawai, Minimum, Maksimum serta Peratusan Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	57
4.6	Jadual Hasil Analisis Diskriptif untuk Min, Sisihan Piawai, Minimum < maksimum serta Peratusan Persepsi Pelajar terhadap Tanggung jawab Menjaga Kebersihan	59
4.7	Paparan Output SPSS Viewer Group Statistics bagi Perbezaan antara Tahap Pengetahuan Pelajar di Kawasan Bandar dengan Pelajar di Kawasan Luar Bandar terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	60
4.8	Paparan Output SPSS Viewer Independent Samples Test bagi Perbezaan antara Tahap Pengetahuan Pelajar di Kawasan Bandar dengan Pelajar di Kawasan Luar Bandar terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	61

4.9	Paparan Output SPSS Viewer Group Statistics bagi Perbezaan antara Tingkah Laku Pelajar di Kawasan Bandar dengan Pelajar di Kawasan Luar Bandar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	62
4.10	Paparan Output SPSS Viewer Independent Samples Test bagi Perbezaan antara Tingkah Laku Pelajar di Kawasan Bandar dengan Pelajar di Kawasan Luar Bandar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	62
4.11	Paparan Output SPSS Viewer Perkaitan antara Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Program 3K Khususnya Komponen Kebersihan dengan Tingkah Laku Pelajar terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia	63

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Klip Video Cegah Nyamuk Aedes	15
1.2	Transitif Kemanusiaan	21
1.3	Kerangka Konsep	23
4.2	Graf Peratusan Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	53
4.3	Graf Peratusan Tahap Penerapan Elemen-elemen Kerohanian dalam Program Penjagaan dalam Program 3K	55
4.4	Graf Peratusan Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan	56
4.5	Graf Peratusan Tingkah Laku Pelajar Terhadap Penjagaan Kebersihan di Luar Kawasan Sekolah	58
4.6	Graf Peratusan Persepsi Pelajar terhadap Tanggungjawab Menjaga Kebersihan	59

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
JAS	Jabatan Alam Sekitar
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kemahiran Bersepadu Sekolah Rendah
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

BAB 1

PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk memperkenalkan latar belakang kajian yang merangkumi permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, skop dan limitasi dan penjelasan mengenai rangka kerja teori yang berkaitan dengan kajian ini. Kerangka konseptual, skop kajian dan sumbangan penyelidikan turut dibincangkan. Akhir sekali, organisasi keseluruhan laporan kajian ini dibentangkan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menjaga kebersihan kawasan sekitar bukan perkara kecil dalam sesuatu agenda pembangunan sesebuah negara. Isu kebersihan sampah sarap yang dibincangkan bukan lagi perkara asing. Isu sampah misalnya, merupakan isu sejagat yang sering dipaparkan di kaca televisyen tentang sampah sarap yang terapung-apung di permukaan laut, sungai mahupun yang tenggelam hingga ke dasar laut dan akhirnya memusnahkan hidupan laut serta mengganggu ekosistem hidupan laut. Penjagaan kebersihan kawasan sekitar menjadi perkara yang kurang dibincangkan atau tidak mendapat tempat dalam jiwa ahli masyarakat. Malahan ia dilihat sekadar perkara pilihan sama ada mahu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti penjagaan kebersihan kawasan sekitar, atau mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti penjagaan kebersihan secara serius atau sekadar sambil sahaja mengikut *mood* dan agenda dalam mesyuarat.

Kebiasaannya di Malaysia tercinta ini, aktiviti-aktiviti penjagaan kebersihan kawasan sekitar telah "disubkan" kepada *makcik cleaner* yang menjaga kebersihan dalam bangunan dan *pekerja Bangla* di luar bangunan. Lihat sahaja di mana-mana tempat awam seperti tapak pasar malam, padang bola, taman rekreasi dan sebagainya. Setelah aktiviti jualan dijalankan pasti banyak sampah di merata-rata tempat. Bukan sahaja di tempat awam, malah di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta seperti sekolah termasuk institusi - institusi agama antaranya masjid, sekolah agama dan pejabat agama yang kebanyakannya telah diserahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak kontraktor.

Pengkaji menyatakan perkara ini bukan dengan tujuan menambah bebanan tugas dan peranan warga kerja, tetapi kesedaran terhadap amalan dan tanggungjawab kerja semakin dilupakan. Segala-galanya diswastakan sehingga perkara yang berkaitan dengan iman, amal dan takwa turut diswastakan. Sistem pendidikan ataupun undang-undang harus mencari jalan dan langkah meningkatkan (*upgrade*) nilai budaya hidup masyarakat

sepertimana meningkatnya perkembangan teknologi terkini yang semakin hari mengeluarkan produk-produk dan jenama-jenama baharu serta sistem yang canggih. Khidmat pekerja am atau kontraktor yang kurang mencukupi bukan alasan utama, tetapi kesedaran terhadap kepentingan menjaga kebersihan perlu dipupuk, dihayati dan diamalkan. Inilah antara usaha terbaik ke arah gaya hidup wasatiyyah¹.

Kebanyakan masyarakat memandang remeh berkaitan soal menjaga kebersihan dan persekitaran. Penjagaan kebersihan ini berkait rapat dengan keimanan, ketakwaan dan kebahagiaan hidup. Bukan sahaja di rumah kebersihan perlu dijaga, tetapi juga di tempat kerja. Pengabaian dalam menjaga kebersihan mempamerkan gaya hidup masyarakat yang hanya terdidik dengan undang-undang dan peraturan semata-mata. Apabila manusia dididik dengan undang-undang dan peraturan, tingkah laku manusia akan berubah-ubah mengikut tempat kerana undang-undang dan peraturan berbeza-beza bagi setiap tempat. Sebaliknya, apabila diri manusia dididik dengan keimanan, manusia tidak memerlukan undang-undang dan peraturan untuk menjaga tingkah laku kerana akhlak mulia menjadi gaya hidup orang beriman pada bila-bila masa dan di mana jua juga berada.

Apabila iman manusia diuji dengan sampah sarap yang bertaburan, pasti perkara pertama yang terlintas di fikiran ialah tukang sapu atau *makcik cleaner* yang patut bersihkan. Sebaliknya jika yang bertaburan itu emas atau kepingan wang, pengkaji yakin dan percaya manusia akan berubah fikirannya dan berebut mahu mengambilnya. Manusia sombong hanya memikirkan kepentingan diri sendiri dan menyerahkan perkara yang kotor dan busuk kepada orang lain. Lemahnya iman manusia tidak memandang yang kotor dan busuk itu adalah ganjaran pahala. Mata menjadi kelabu dan hati menjadi keras apabila melihat kemewahan. Sesungguhnya sifat jujur itu adalah suatu yang berat untuk dipraktikkan. Namun, bagi manusia yang beriman pasti membersihkan sampah-sampah tersebut tanpa mengira masa dan tempat.

Dalam sesebuah negara, agenda menjaga kebersihan kawasan persekitaran perlu sentiasa lestari atau ditambah baik dari semasa ke semasa. Kebersihan kawasan persekitaran yang baik mendorong pelestarian sebuah tamadun yang lebih stabil. Bapa Ketamadunan, Ibn Khaldun dalam buku beliau 'al-Muqadimah' (*Introduction*) turut membicarakan soal kebersihan. Dalam aspek pencemaran, beliau menghuraikan tentang kepentingan menjaga kebersihan udara di kawasan yang didiami. Gas-gas yang kotor yang terbebas ke udara akan mencemarkan udara yang bersih. Justeru, ia akan mengganggu kesihatan masyarakat setempat. Kesihatan masyarakat yang merundum akan menjadikan masyarakat semakin lemah dan lebih mudah menghidap pelbagai penyakit.

¹ Zainal Kling, Profesor Dato' Dr. (2011) mendefinisikan wasatiyyah sebagai 'yang adil', 'yang terbaik', 'yang terpilih' (pada mutu), 'yang halus' (pada seni) dan 'yang terhormat'.

"Begitu banyak gangguan dan pembunuhan dan wabakpun terjadi. Sebab utamanya disebabkan oleh kekotoran udara, ledakan penduduk, dan pembusukkan serta wap lembap busuk yang bercampur-baur dan berlaku di daerah yang sesak dengan penuh penduduk. Kini, udara memelihara roh binatang dan segala yang berhubungan dengannya. Apabila ia telah rosak, pencemaran udara itu akan memberi kesan kepada sifat roh. Jika pencemaran udara itu teruk, maka paru-paru akan dijangkiti penyakit. Ini mengakibatkan wabak yang memberi kesan khusus kepada paru-paru. Sekira pencemaran udara itu tidak berapa teruk, pembusukkan akan meningkat dan berganda. Ia mengakibatkan berlakunya banyak penyakit demam yang mengganggu banyak pembusukkan dan wap-wap sakit serta binasa. Sebab berlakunya banyak pembusukkan dan wap-wap lembap yang buruk adalah banyak dan melimpahnya jumlah peradaban pada akhir kerajaan itu" (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).

Ibn Khaldun juga menyebut tentang keburukan pencemaran iaitu;

"Demi menjaga bandar daripada bahaya yang ada hubungannya dengan gejala atmosfera, hendaklah diperhatikan supaya adanya pengaliran udara yang bersih segar. Sekiranya udara itu tidak bersih dan beku atau berdekatan dengan air yang busuk atau kolam yang busuk atau paya yang tengik airnya, dengan cepatnya kebersihan udara akan tercemar, dan tidak dapat dihindari daripada dihindangi penyakit. Hakikat ini dapat disaksikan melalui suatu pengamatan yang langsung.

Bandar-bandar yang tidak mengendalikan masalah udara yang bersih, sebagai lazimnya, akan menyebabkan banyak penyakit. Gebes, salah satu bandar al-Jarid di Ifriqiah, Maghribi adalah terkenal dengan penyakit ini. Terlalu sedikit para penduduknya, atau orang datang ke sana yang terhindar daripada mengalami demam akibat udaranya yang busuk, Hummal-Afan. Al-Bakri telah menyebutkan mengapa hal tersebut berlaku. Sewaktu dilakukan kerja gali-menggali, telah ditemui sebuah bejana tembaga yang ditutup dengan timah. Al-Bakri beranggapan, bahawa ketika tutup itu rosak, asap keluar daripadanya, dan meresap di udara. Sejak itu penyakit-penyakit demam pun mulai menjangkiti tempat tersebut.

Apa yang al-Bakri hendak maksudkan ialah bahawa bejana itu mengandungi beberapa mantera yang diadakan untuk menghindarkan wabak sampar, dan disebabkan mantranya telah lenyap, lenyaplah pula kemujarabannya. Maka pembusukkan dan wabak sampar mula berlaku. Cerita ini adalah suatu contoh akibat suatu kepercayaan yang kolot dan pendapat umum yang tidak berasas. Dan al-Bakri pula bukanlah seorang yang terpelajar atau memiliki pengetahuan yang cukup untuk menyangkal dakwaan semacam itu dan melihatnya sebagai suatu yang

sama sekali tidak benar. Seinggalah dia menukikkan cerita itu persis sebagaimana yang didengarinya.

Apa yang benar dalam hal ini ialah, udara busuk telah menyebabkan berlakunya pembusukan pada tubuh dan mengakibatkan terjadinya penyakit-penyakit demam. Apabila bandar Ifriqiyah mempunyai banyak penduduk dan giat dengan pelbagai kegiatan, Gebes pula mempunyai banyak penduduk yang mempunyai kegiatan yang tetap yang menyebabkan adanya pusingan udara dan tidak berlaku pembusukan udara dan penyakit pada masa itu. Tetapi apabila penduduknya menjadi berkurangan, udaranya menjadi tidak bertukar, dan pembusukan serta penyakit pun berlaku. Demikianlah satu-satunya penjelasan yang tepat mengenai terjadinya penyakit Gebes” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).

Pelbagai gejala pencemaran dan gejala kebersihan yang berlaku pada zaman kini seperti pencemaran air dan udara, lambakan sampah serta saluran dan sungai dipenuhi sampah sarap yang mengundang risiko keselamatan dan menjejaskan kesihatan masyarakat setempat. Isu dan masalah yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun seperti pernyataan di atas adalah berlaku pada abad ke-14 sudah menjadi kebimbangan yang besar pada ketika itu. Ini memberikan gambaran maksud bahawa taraf kebersihan pada masa kini sudah berada dalam tahap yang jauh lebih buruk.

Dalam mencapai gagasan yang dibawa oleh Perdana Menteri ke-7 Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu Wawasan 2030 yang mana pemerintahan negara menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030². Pembangunan infrastruktur dan prasarana terus giat dijalankan dari masa ke masa bagi merealisasikan harat Wawasan 2030 tersebut. Hasrat tersebut turut disambut dengan rancak sekali oleh syarikat-syarikat swasta sama ada syarikat tempatan atau luar negara yang turut sama mengambil peluang mengembangkan perniagaan mereka. Hal ini menyebabkan lebih banyak tenaga kerja diperlukan terutamanya kerja yang kasar dan berat seperti dalam sektor pembinaan, sektor perladangan, sektor pembersihan, sektor keselamatan, sektor perkilangan dan sektor-sektor yang lain. Demi mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda, hal ini menyebabkan sangat ramai pekerja warga asing dibawa masuk bagi melakukan kerja-kerja di sektor-sektor tersebut kerana upah yang dibayar kepada warga asing adalah jauh lebih murah dan waktu kerja lebih panjang dapat dilakukan. Lambakan warga asing mendatangkan masalah yang banyak. Masalah keselamatan yang kian meruncing, masalah sosial yang tidak terkawal dan masalah kebersihan turut terjejas. Kita tidak dapat pastikan yang mereka menjaga kebersihan kawasan sekitar lebih-lebih lagi bagi warga asing yang rendah mentaliti. Tambahan lagi keadaan lebih meruncing apabila mereka meniru sikap rakyat tempatan yang suka membuang sampah merata-rata.

² Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2019, Oktober 7). Pautan www.pmo.gov.my/ms/2019/10

Amalan menjaga kebersihan, keindahan dan keselamatan telah diberikan perhatian dalam sistem pendidikan sekolah-sekolah di Malaysia. Pada tahun 2004, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program Peningkatan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah atau Program 3K. Program ini merupakan penambahbaikan daripada program sedia ada yang merangkumi tiga program yang berasingan iaitu Program Sekolah Selamat, Program Kesihatan dan Kebersihan serta Program Keceriaan dan Keindahan Sekolah yang telah dimulakan pada tahun 1991. Program 3K ini dijadikan sebagai Inisiatif Meningkatkan Keselamatan, Kesihatan dan Keceriaan Sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Program ini nampak berjaya mengubah pemandangan kawasan sekolah yang lebih ceria dan selamat. Boleh dikatakan pada setiap sekolah masa kini landskap suasana dan panorama persekitaran sekolah sudah berubah dengan pelbagai jenis pokok bunga dan tanaman ditanam dan dihias di sekitar kawasan sekolah untuk menceriakan kawasan sekolah.

Program 3K ini dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha meningkatkan kebersihan, keceriaan dan keselamatan kawasan sekolah di samping merapatkan hubungan antara pihak sekolah dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta masyarakat setempat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Umumnya pihak sekolah akan bekerjasama dengan PIBG dan badan-badan lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan komuniti penduduk setempat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penjagaan kebersihan dan pencegahan wabak penyakit seperti demonstrasi kebakaran, gotong-royong perdana dan sebagainya. Selain meningkatkan kebersihan, keceriaan dan keselamatan sekolah, program ini diharapkan dapat melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) dan memberi kesan kepada pembentukan tingkah laku (Rusni Mohd. Nor, 2005). Suasana sekolah yang ceria dan kondusif dapat merangsang dan membentuk tingkah laku diri pelajar yang lebih positif (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010) serta minat pelajar untuk belajar seterusnya mencapai keputusan peperiksaan dengan cemerlang. Selain peranan sistem pendidikan di sekolah, tidak dilupakan juga peranan guru dalam pembentukan corak kehidupan pelajar adalah sama penting dalam pengajaran dan pembelajaran kerana hubungan guru dengan pelajar mempunyai hubungan yang sangat rapat (Kamaruddin Hussin, 1995) dan guru berperanan sebagai '*role model*', *muaddib*, *murabbi* dan *muallim* (Ab. Halim et al., 2004). Hal ini dapat dirumuskan bahawa sistem pendidikan di sekolah dan tingkah laku guru memainkan peranan penting dalam usaha pembangunan nilai diri pelajar kerana mereka mudah mengintepretasi sesuatu yang dilakukan guru (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010).

Selain KPM, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut mengadakan kerjasama dengan mengambil inisiatif memperkasakan budaya alam sekitar di sekolah. Tiga agensi kerajaan ini telah mewujudkan satu lagi program alam sekitar yang dinamakan Sekolah Lestari : Anugerah Alam Sekitar. Program ini diadakan dengan kerjasama KPM yang

dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Program Sekolah Lestari : Anugerah Alam Sekitar ini bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang mementingkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Antara perkara yang menjadi aspek *fundamental* dalam program Sekolah Lestari : Anugerah Alam Sekitar ini adalah berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004) seperti program Sudut Sisa Sifar (Zero Waste Corner) yang dilancarkan oleh SJK (C) Chi Vun (Sayang Sabah, 2016), program kitar semula yang dianjurkan oleh SK Tanah Hitam (Suara Perak, 2017) dan SK Parit Gantong (BPS Bestari, 2017) yang menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi luar. Program Sekolah Lestari : Anugerah Alam Sekitar ini secara langsung mahupun tidak langsung turut terlibat dalam usaha menjaga kebersihan persekitaran sekolah.

Secara umumnya, pengkaji dapat perhatikan bahawa program 3K ini sangat menitikberatkan perubahan fizikal sekolah iaitu sekolah yang lebih bersih, ceria dan selamat. Tambahan lagi, pihak kementerian turut menyediakan anugerah untuk pelbagai kategori kepada sekolah-sekolah yang berusaha menjayakan program ini. Hal ini menjadikan pihak sekolah lebih bermotivasi dan bersemangat untuk terus konsisten menceriakan persekitaran sekolah masing-masing.

Walau bagaimanapun, beberapa persoalan utama yang sering kali dilupakan, perlu diketengahkan dan diperlihatkan terhadap matlamat utama program tersebut iaitu dari aspek pembangunan sahsiah pelajar dan warga sekolah dalam membina nilai, budaya dan tingkah laku positif menerusi Program 3K dan Program Sekolah Lestari. Sememangnya aspek pembinaan nilai dan sahsiah diri ini perlu diterap dan dititikberatkan untuk dicapai seiring dengan program menceriakan kawasan persekitaran sekolah. Kawasan sekolah yang bersih, ceria dan selamat yang berjaya dipersembahkan oleh pihak sekolah tidak semestinya menggambarkan budaya dan tingkah laku positif pelajar dan warga sekolah dalam menjaga kebersihan, keselamatan dan keceriaan kawasan persekitaran. Apabila melihat kepada kerja-kerja harian yang dilakukan oleh pekerja-pekerja tukang cuci dan tukang kebun sekolah, merekalah yang menjadi tulang belakang membersihkan, menceria dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan kawasan sekolah ditambah lagi inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh guru bagi menceriakan kawasan panitia masing-masing. Pekerja-pekerja tukang cuci dan tukang kebun sekolah yang paling banyak menjalankan tugas menjayakan Program 3K.

Untuk itu, adalah perlu dirujuk kembali Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) 1996 yang telah menggariskan bahawa usaha-usaha pendidikan negara ini adalah melahirkan insan yang berpotensi secara menyeluruh dan seimbang. Menyeluruh dan seimbang mestilah menerapkan empat elemen asas iaitu intelek, emosi, jasmani dan rohani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. FPK 1996 menyatakan;

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara".

Falsafah dalam pendidikan bermaksud bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak bermula daripada pihak bawahan di peringkat sekolah, institut pengajian tinggi, universiti sehingga ke pihak atasan di peringkat kementerian ke arah memenuhi keperluan falsafah tersebut iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani. Elemen-elemen tersebut perlu diterapkan dalam setiap usaha pembangunan pendidikan bertujuan melahirkan insan yang menyeluruh dan seimbang berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Aspek kerohanian perlu diterapkan dengan bersungguh-sungguh dan tidak boleh diabaikan sepertimana usaha yang dilakukan dalam pembinaan keupayaan intelek dalam pendidikan sebenar. Pendidikan sebenar adalah pendidikan yang bermatlamat untuk memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat sepertimana matlamat dalam FPK iaitu **"...mencapai kesejahteraan diri..."**. Kesejahteraan bukan sahaja perlu keupayaan intelek, malah kekuatan kerohanian perlu seiring dibangunkan. Kesejahteraan atau kebahagiaan di dunia sahaja tanpa mengejar akhirat adalah sebuah kehidupan yang tidak lebih daripada sebuah tipu daya yang akhirnya hanya mendapat kerugian yang sia-sia.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan lahir melalui suatu proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan negara dan bangsa semenjak merdeka lagi. Idea penggubalan FPK dicetus selepas penerbitan laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. FPK yang dahulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal berlandaskan tiga ideologi iaitu, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (RMK 3, 1976-1980) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999). FPK digubal oleh pakar-pakar pendidikan secara teliti dengan mengambil berat keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara (KPM, 2001). Pernyataan FPK menegaskan sistem pendidikan di Malaysia memberi penekanan terhadap perkembangan potensi individu secara bersepadu dan menyeluruh kearah melahirkan insan yang baik berdasarkan kepercayaan, keyakinan dan kepatuhan kepada tuhan. Ini bermakna, FPK berhasrat melahirkan insan yang berpegang teguh pada agama. FPK perlu dijadikan teras kepada pendidikan di negara ini bermula daripada pendidikan pra sekolah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Sehubungan itu FPK menjadi panduan untuk insan menjalani kehidupan dengan memastikan

kesejahteraan intelek, emosi, rohani dan jasmani agar tuntutan beragama dan meletakkan keyakinan kehidupan selepas mati serta pembalasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan semasa di dunia termasuk menyakini kesejahteraan dalam aspek JERI itu adalah atas kurniaan Allaah bertujuan melaksanakan amal kebaikan, mentadbir dunia sebagai khalifah dan semua ini akan dihitung di hadapan Allaah *subhaanahu wa ta'ala*. Tambahan lagi FPK juga bersesuaian dengan 'maqasid syariah' yang mengutamakan pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, maruah dan harta.

Untuk itu, elemen kerohanian mesti diterapkan. Perihal kerohanian dalam Islam ada kaitan dengan keimanan, ketakwaan dan kehidupan selepas mati. Pada masa yang sama jika perkara ini dilakukan ia menjadi usaha dakwah kepada bukan Islam. Apabila elemen kerohanian diterapkan aspek keduniaan akan turut diperolehi sepertimana firman Allah *subhaanahu wa ta'ala* dalam al-Quran menerusi surah as-Syura ayat ke-20 yang bermaksud;

"Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya, dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan di dunia (sekadar yang kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak".

Institusi pendidikan merupakan medium yang paling penting dalam pembangunan sesebuah tamadun. Institusi pendidikan berperanan dalam usaha membekalkan ilmu pengetahuan dan para penuntutnya menjalani proses pembelajaran secara formal dan baik. Para penuntutnya yang terdiri daripada kanak-kanak sehingga dewasa melalui pendidikan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, pengajian tinggi dan universiti pastinya mengalami pengalaman yang sangat banyak dan pelbagai ilmu diperolehi dalam pelbagai bidang yang dipilih. Hal ini harus diambil kesempatan sepenuhnya kerana pemupukan nilai membina tamadun manusia lebih terarah jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal dan jelas strukturnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Apabila membicarakan soal pembinaan sebuah tamadun, Osman Bakar et al. (2009) menyatakan lapan (8) ciri tamadun iaitu;

1. wujud sistem kepercayaan dan agama;
2. wujud penempatan masyarakat manusia di sesebuah kawasan atau beberapa kawasan yang disatukan membentuk kota, bandar, atau *madinah*;
3. peningkatan kualiti kehidupan yang lebih baik, seterusnya terhasil peningkatan jangka hayat;

4. wujud sistem organisasi dan institusi sosial dalam bidang politik, pentadbiran, ekonomi dan pendidikan yang lebih baik dan teratur;
5. kemunculan satu bahasa atau beberapa bahasa yang serumpun dengan satu sistem tulisan yang tersendiri bagi menjadi perantaraan komunikasi, perakaman, penyampaian dan pewarisan khazanah tamadun dalam pelbagai bidang ilmu;
6. wujud sistem perundangan yang teratur dan sistem nilai serta moral yang berwibawa yang dikuatkuasakan untuk mengatur perlakuan dan tindak-tanduk masyarakatnya dalam segala kegiatan kehidupan;
7. kelahiran dan peningkatan daya reka cipta dalam penciptaan teknologi dan pembinaan bagi menyempurnakan lagi kesejahteraan kehidupan; dan
8. kelahiran dan perkembangan daya kreativiti dalam menghayati falsafah, kesenian, kesusasteraan dan nilai estetika yang tersendiri.

Institusi pendidikan berperanan besar dalam memastikan kelapan-lapan ciri tamadun tersebut dapat dicapai, dikekalkan seterusnya dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ibn Khaldun juga menyebut kepentingan pendidikan dalam tamadun seperti berikut;

"Di timur pula, tradisi pengajaran ilmu itu tidak mengalami kepupusan usaha. Pengajaran ilmu adalah sangat-sangat diperlukan kerana adanya kesinambungan peradaban yang melimpah dan kesinambungan tradisi pengajaran ilmu pengetahuan itu sendiri. Adalah sesungguhnya memang benar bahawa dikota-kota kuno seperti Baghdad, Basrah dan Kufah, suatu tempoh yang pernah menjadi kota-kota kepada sumber ilmu pengetahuan, kini telah mengalami kehancurannya. Namun, Allah telah menggantikannya dengan kota-kota lainnya yang lebih hebat daripadanya. Ilmu pengetahuan telah beralih ke Iraq bukan Arab di Khurasan, Transoxonia di Timur ke Kaherah dan daerah-daerah sekitarnya di Barat. Kota-kota ini tidak mengalami kekurangan dan tetap memiliki peradaban yang terus-menerus, dan tradisi pengajaran ilmu dapat dikekalkan di kota-kota itu" (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).

Selain itu, apa yang penting juga ciri-ciri dalam tamadun Islam misalnya, Islam menggariskan pendidikan merupakan faktor utama dalam pembinaan sesebuah tamadun. Hal ini dirakamkan menerusi wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sollallaahu 'alaihi wasallam* melalui malaikat Jibrail *'alaihissalam* iaitu dalam surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5 yang bermaksud;

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajarkan manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”.

Dalam ayat tersebut Allaah *subhaanahu wa ta'ala* memerintahkan umat manusia agar membaca atas dasar keimanan kepada Tuhan. Di situlah bermulanya Tamadun Islam yang dibawa Nabi Muhammad *sollallaahu 'alaihi wasallam*. Apabila menyingkap kembali FPK, untuk lebih memahami maksud falsafah tersebut, ia merupakan manifestasi falsafah Islam iaitu pendidikan yang berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kedua-dua falsafah ini iaitu FPK dan falsafah Islam bertujuan mendidik manusia mempelajari sesuatu ilmu dan mengamalkannya untuk kembali beriman dan bertakwa kepada Tuhan dalam segala aspek. Tiada elemen hak ketuhanan yang sebenar-benar berhak dalam pendidikan atau sebarang pengurusan yang menyokong proses pendidikan adalah suatu kesalahan yang besar dalam pendidikan dan terbatal sama sekali. Kita perlu mengetahui bahawa betapa pentingnya memahami dan mengaplikasi FPK ini dalam menetapkan visi dan misi institusi pendidikan. Para pendidik perlu memahami dengan jelas tentang FPK dan hubungannya dengan pendidikan. Ini adalah sangat penting kerana apabila pendidik memahami dengan jelas tentang FPK maka sudah tentunya matlamat pendidikan serta hasrat negara akan tercapai. Melalui FPK, kita akan dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelexnya. Di samping itu juga, proses memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh juga akan lebih mudah dilaksanakan (Mohd Fathi Adnan et al, 2010). Hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan warga pendidik didoktrinkan aliran sekular dalam dunia akademik tanpa disedari sepertimana sistem British yang telah diamalkan kerana tidak diterapkan keimanan dalam akademik terutamanya dalam aliran sains tulen dan sains sosial³.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat lebih jelas sejauh mana matlamat program penjagaan kebersihan dalam Program 3K dan pencapaiannya yang mensasarkan kepada kehendak FPK. Kajian ini juga berhasrat melihat keberkesanan program penjagaan kebersihan dalam Program 3K ini dengan mengenal pasti persepsi, tingkah laku positif dan pembentukan sahsiah pelajar. Dari segi penerapan aspek intelek tidak ada apa yang perlu dibimbangkan.

Pelajar sekolah sama ada murid-murid sekolah rendah (Abdullah, Nurul Hidayah Liew et al., 2013), pelajar sekolah menengah mahupun pelajar institut pengajian tinggi, mereka mempunyai pengetahuan yang cukup tinggi dan memiliki maklumat yang banyak tentang penjagaan kawasan persekitaran

³ Sistem pendidikan rasmi di negara ini yang diasaskan oleh British ini dinamakan sistem sekular. Dalam bidang sains tulen dan sains sosial dalam sistem pendidikan moden mempunyai aliran pemikiran sistem sekular yang diasaskan oleh British. Walaupun terdapat pelbagai bentuk transformasi dalam perkembangan pendidikan, namun pemikiran sekular masih kekal dalam aliran sains tulen dan sains sosial. Pandangan peribadi pengkaji.

serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Pengetahuan dan maklumat tentang alam sekitar telah dimasukkan dalam kurikulum sejak peringkat darjah satu lagi (Sharifah Zarina S., Z. & Lilia H., 2009).

Selain buku-buku memberikan maklumat asas yang banyak, media masa turut memberikan maklumat yang banyak tentang penjagaan kawasan persekitaran. Akan tetapi, ketinggian pengetahuan dan banyaknya maklumat yang dimiliki oleh seseorang tentang penjagaan kawasan persekitaran serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sebenarnya tidak banyak mendorong individu tersebut mempunyai tingkah laku yang lebih positif (Abdullah, Nurul Hidayah Liew et al, 2013 & Sharifah Zarina S., Z. & Lilia H., 2009). Boleh dikatakan pengetahuan yang tinggi tidak mempengaruhi tingkah laku positif atau hubungan perkaitan antara pengetahuan dengan tingkah laku adalah tidak signifikan (Tan, P. S. & Norzaini, A., 2011).

Tuntasnya, suasana dan pemandangan kawasan sekolah yang kelihatan bersih, ceria dan selamat sememangnya adalah lebih mudah dicapai apabila terdapat lebih ramai pekerja tukang cuci dan tukang kebun di sekolah. Namun, adakah apabila kawasan sekolah yang bersih, indah dan selamat berupaya mendorong berlaku perubahan positif terhadap tingkah laku pelajar pada hakikat yang sebenarnya?

1.2 Permasalahan Kajian

Usaha KPM dalam mendidik pelajar menjaga kesejahteraan persekitaran sudah dimulakan sejak tahun 1991 lagi melalui Program Selamat, Program Kesihatan dan Kebersihan serta Program Keceriaan dan Kebersihan Sekolah. Setelah 29 tahun pelaksanaannya, isu-isu pengurusan persekitaran masih lagi mbingitkan telinga dan menyakitkan mata. Terpampang di dada-dada akhbar arus perdana memaparkan isu-isu masalah persekitaran dan alam sekitar umpama tiada sebarang usaha dilakukan dalam membentuk gaya hidup masyarakat yang positif. Gejala-gejala persekitaran awam dan alam sekitar berlaku sama ada melibatkan kes yang kecil seperti tandas awam kotor, longkang tersumbat dan vandalisma mahupun kes yang besar seperti kes denggi yang semakin parah di negeri Perak yang meningkat 101.6 peratus kes (Utusan, 16 Jun 2017) dan kebanyakan negeri-negeri lain, banjir kilat dan longkang tersumbat semakin kerap menghantui penduduk setempat (Utusan, 14 Jun 2017) dan penyakit berjangkit seperti Zika. (Utusan, 7 September 2016). Gejala-gejala seperti ini mesti dilihat sebagai indikator-indikator penting yang harus diambil kira bagi mengenal pasti program pendidikan agar dapat membawa perubahan positif atau sebaliknya.

Apakah indikator-indikator lain yang harus dikenal pasti bagi melihat pencapaian program penjagaan kebersihan dalam Program 3K yang mencapai hasrat yang diinginkan? Tidak cukup jika sekadar melihat pencapaian di peringkat dalaman sekolah sahaja. Kita harus melihat kehidupan di luar pagar

sekolah atau kehidupan sebenar dalam masyarakat. Zaini Ujang dalam buku beliau yang berjudul *Minda Lestari*, 2009, menegaskan bahawa perlu juga disedari adakalanya di peringkat nasional negara kaya dengan pelbagai dasar dan peraturan yang mengalahkan kebanyakan negara maju, namun sayang, dasar-dasar tersebut sekadar suatu pernyataan luahan hasrat murni yang sukar diterjemahkan dalam bentuk amalan. Persoalan ini sememangnya berlegar-legar dalam kotak pemikiran pengkaji kerana apabila melihat isu tentang kebersihan dan alam sekitar seperti tandas-tandas awam yang kotor dan sampah-sarap di kebanyakan kawasan awam masih lagi serius sehingga menyebabkan masalah kebersihan seperti wabak penyakit denggi dan saliran air tersumbat menyebabkan banjir kilat. Penyakit denggi terus menular sedangkan kempen-kempen kebersihan dan kesedaran mencegah denggi terus dijalankan serta kesedaran alam sekitar dalam sukatan pelajaran menerusi Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral tentang kebersihan dan alam sekitar telah diajarkan kepada murid-murid sudah sekian lama. Masalah kebersihan di negara ini seperti sukar mendapat jalan penyelesaian, justeru menimbulkan satu persoalan lain iaitu apakah sebenarnya persepsi pelajar tentang tanggungjawab menjaga kebersihan awam sama ada dibahu pihak lain seperti pekerja tukang sapu kerajaan tempatan ataupun tanggungjawab kebersihan adalah tanggungjawab bersama.

Kes-kes penularan wabak denggi harus dibicarakan dengan lebih lanjut. Hal ini kerana wabak denggi sememangnya berkait rapat dengan masalah kebersihan awam pada tahap serius. Kegagalan menjaga kebersihan awam seperti membiarkan takungan air dalam sampah tong cat, tayar dan polisterin serta sampah-sarap dalam saliran air yang menyebabkan saliran air tersumbat dalam longkang dan parit menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Hal ini yang mengundang wabak denggi sehingga membawa pesakit mengalami penderitaan dan kematian. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia mendakwa pengidap penyakit denggi boleh mengakibatkan pengidap penyakit tersebut meninggal dunia dengan sebab kematian "*Dengue Shock Syndrome*" (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013).

Dalam kajian ini, penyelidik dapat mengetahui kepentingan peranan Joint Management Body (JMB) di kawasan perumahan bertingkat. JMB merupakan teraju utama yang boleh mengawal berlakunya kejadian penyakit demam denggi di perumahan bertingkat kerana JMB merupakan pihak yang boleh berinteraksi dengan penduduk dan pihak kesihatan. Selain itu, tahap pengetahuan bagi penduduk yang bukan warganegara dapat dikenal pasti. Kegagalan promosi kesihatan mengenai demam denggi kepada penduduk warganegara menyebabkan mereka kurang peka tentang maklumat penyakit demam denggi. Di samping itu, penduduk bukan warganegara tidak mengendahkan kebersihan kawasan perumahan. Kajian ini juga dapat mengenal pasti bahawa kekerapan penguatkuasaan menjadikan sesebuah kawasan perumahan bertingkat itu bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Dengan adanya maklumat ini, pihak JMB akan lebih peka mengenai penyakit demam denggi dan akan memastikan kawasan perumahan bertingkat sentiasa berada di dalam keadaan yang bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Hasil penyelidikan ini juga dapat mengenalpasti

bahawa tahap kebersihan perumahan bertingkat yang tidak mempunyai pengurusan oleh JMB adalah rendah. Tiada pihak yang mampu untuk memastikan kawasan perumahan bertingkat sentiasa berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Penduduk tidak mempeduli kebersihan kawasan perumahan dengan hanya membiarkan sampah-sarap tidak diselenggara dengan baik. Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan berbentuk kuantitatif dan pemerhatian, manakala instrumen yang digunakan ialah senarai semak dan soal selidik. Kerjasama daripada responden amat baik dan memudahkan soal selidik dijalankan. Rumusan bagi kajian ini adalah pihak JMB merupakan pihak yang penting bagi memastikan perumahan bertingkat sentiasa berada di dalam keadaan yang bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Pihak JMB juga adalah medan perantaraan di antara penduduk dengan pihak pejabat kesihatan bagi memudahkan penyampaian sesuatu maklumat mengenai penyakit demam denggi (Mohamad Ramli & Muniandy M. Nathan, 2020).

Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai bilangan kes denggi di Malaysia sehingga hujung tahun 2013 adalah sejumlah 23,829 kes berbanding 16,729 pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 7,100 kes atau 42.4 peratus. Jumlah kumulatif kes kematian denggi pula adalah sebanyak 52 kematian, meningkat 25 kematian atau 92 peratus berbanding hanya 27 kematian pada tahun 2012 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013). Bagi tahun 2014 pula, kes denggi meningkat lagi kepada 82,738 kes di seluruh negara. Bagi kes kematian akibat komplikasi Denggi sehingga 18 Oktober 2014 adalah sebanyak 157 kematian seluruh negara berbanding 59 kematian yang dilaporkan bagi tahun 2013. Kawasan-kawasan yang menyumbang kepada kadar pembiakan aedes merupakan kawasan yang berhampiran dengan persekitaran aktiviti harian iaitu tanah perkuburan, tapak pembinaan, tanah/lot kosong, tempat ibadat, tempat pembuangan sampah, sekolah, taman rekreasi, pejabat kerajaan dan kilang (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014). Angka-angka kes denggi dan kematian akibat denggi adalah terus meningkat dari tahun ke tahun. Hal ini sekali lagi menggambarkan bahawa kesihatan persekitaran di negara ini amat rendah dan semakin rendah. Hal ini seakan-akan tiada tindakan dan strategi yang diambil oleh rakyat Malaysia ataupun tindakan yang semakin lemah. Angka pengidap penyakit denggi dan kematian akibat penyakit denggi yang meningkat menjadi salah satu indikator bahawa masyarakat Malaysia tidak mengamalkan tingkah laku positif terhadap kawasan persekitaran, malah menyumbang kepada kerosakan dan kekotoran kawasan persekitaran.

Menurut Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (Jun 2021). Pada minggu ke-22, kes demam denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 26 kes (5.2%), menjadikan jumlah 529 kes berbanding 503 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu ke-22. Kumulatif kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 11,629 kes berbanding 46,713 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 75.1% (35,084 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak

enam (6) kematian berbanding 82 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 76 kematian (92.7%). Sejumlah lima (5) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-22 berbanding dua (2) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak empat (4) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor manakala satu (1) lokaliti hotspot lagi berada di WPKL & Putrajaya.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-22 yang mana lapan (8) kes dari Perak, enam (6) kes dari WPKL & Putrajaya, tiga (3) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 562. Bagi survelan Zika, sebanyak 695 sampel darah dan 19 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif. Pemantauan di Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan mendapati berlaku tren peningkatan kes demam denggi bagi tempoh tiga (3) minggu berturut-turut. Ini merupakan amaran awal penularan jangkitan yang berpotensi meningkat jika tiada tindakan pencegahan dilakukan oleh masyarakat. Sebagai langkah proaktif, periksa setiap bekas di dalam dan di luar rumah serta pastikan tiada takungan air untuk Aedes membiak. Pastikan barang lusuh yang tidak terpakai contohnya tayar terpakai, baldi terpakai, tong cat terpakai dan lain-lain dilupuskan secara berhemah. Pastikan longkang dan saluran air hujan tidak tersumbat oleh sampah sarap sehingga menyebabkan air bertakung dan menjadi tempat Aedes bertelur. Di samping itu lakukan semburan aerosol di dalam rumah terutama pada pagi dan waktu senja bagi membunuh nyamuk Aedes dewasa. Ambil peduli bahaya denggi, jika tidak maut menanti. Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika (9 Jun, 2021).

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) turut mengambil inisiatif meningkatkan kesedaran masyarakat dengan mengeluarkan iklan mencegah wabak denggi dan dipaparkan di televisyen pada setiap hari. Iklan tersebut berbunyi seperti berikut;

"Nyamuk aedes punya angkara, penyakit denggi penyakit bahaya, hapuskan aedes cegah denggi, sikap positif mari kita amalkan, menghapuskannya peranan kita, tiada aedestiada denggi". (Youtube, 2015, April 29)

Saranan yang disampaikan dalam iklan seperti dalam skrip di atas turut menekankan pengamalan sikap yang positif⁴. Lima saat pertama dalam iklan tersebut memaparkan pemandangan kawasan awam yang begitu kotor dengan sampah-sarap iaitu longkang gerai-gerai makan dipenuhi sampah, sampah bertaburan di atas tanah, sinki tandas awam yang kotor dan salur air rumah

⁴ Apabila kita perhatikan pada kenyataan dalam video tersebut, perlu dinyatakan di sini bahawa pengkaji kurang bersetuju ayat pertama video tersebut yang menyalahkan nyamuk adalah punca masalah penyakit. Hakikatnya nyamuk hanya patuh pada perintah Penciptanya dan oleh sebab itu nyamuk bukan angkara yang sebenar sepertimana yang didakwa dalam video ini. Namun perkara ini tidak sesuai dibicarakan dengan lebih lanjut dalam perbincangan ini. Pandangan peribadi pengkaji.

yang tersumbat. Paparan tersebut membawa mesej kepada penonton bahawa itulah hakikat sebenar amalan dan tingkah laku masyarakat terhadap kawasan persekitaran seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Klip Video Cegah Nyamuk Aedes

Tiada tingkah laku positif terhadap persekitaran awam bukan sahaja menyebabkan gejala wabak denggi, malah bencana alam turut boleh berlaku. Tajuk akhbar Utusan pada 8 November 2014 iaitu "Sampah pertanian punca banjir" melaporkan tentang banjir kilat yang berlaku di Cameron Highland, Negeri Sembilan. Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air pada ketika itu, Datuk Seri Mahdzir Khalid memberitahu bahawa sampah sebanyak tiga tan telah tersumbat dan menyebabkan banjir kilat. Sampah yang tersumbat dengan teruk mengakibatkan banjir kilat walaupun hujan lebat yang turun tidak sampai 30 minit. Air sungai melebihi tebing Sungai Bertam telah menenggelamkan Kampung Baru Ringlet dan seramai 91 orang dari 28 buah keluarga dipindahkan (Metro Harian, 7 November 2014 & Berita Harian, 8 November 2014).

Kejadian pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor, dipercayai berpunca pembuangan sisa toksik yang ditanam di dalam tanah. Menurut Profesor Kejuruteraan Kimia, Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud, tindakan menanam sisa toksik di dalam tanah boleh mengakibatkan pencemaran udara, saluran air bawah tanah di daerah itu berkemungkinan sudah tepu dengan sisa toksik

yang meruap sebelum meresap melalui tanah naik ke permukaan sehingga membentuk gas toksik. Situasi ini jelas menunjukkan sikap manusia yang hilang pertimbangan semata-mata mengejar pembangunan dan keuntungan tanpa melihat aspek kebersihan dan pencemaran sisa toksik yang boleh mengakibatkan gangguan kebersihan air sungai, ekosistem hidupan sungai dan manusia sekitar yang menjadikan air sungai ini sebagai sumber minuman. (Berita Harian, 3 Julai , 2019).

Setelah 29 tahun pelaksanaan program kebersihan, keindahan dan keselamatan di sekolah, nampaknya tingkah laku masyarakat terhadap kawasan persekitaran tidak menampakkan apa-apa tanda positif. Isu-isu gejala kawasan persekitaran seperti banjir kilat, wabak denggi dan pencemaran alam sekitar yang kian berlaku menjadi salah satu indikator yang penting kepada tingkah laku masyarakat terhadap penjagaan kebersihan kawasan persekitaran sama ada positif ataupun negatif. Bilangan sekolah yang terlibat dengan Program 3K seluruh negara serta bilangan anugerah pelbagai kategori yang disediakan oleh pihak kementerian dirasakan bukanlah indikator tepat untuk melihat keberhasilan Program 3K.

1.2.1 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif kajian yang dinyatakan, beberapa persoalan diutarakan dalam kajian ini, antaranya;

- I. adakah para pelajar sekolah menengah di negeri Selangor mengetahui dengan mendalam terhadap program penjagaan kebersihan dalam Program 3K di sekolah?;
- II. adakah terdapat penerapan elemen-elemen kerohanian dalam program penjagaan kebersihan dalam Program 3K di sekolah-sekolah menengah di Selangor?;
- III. apakah sebenarnya persepsi pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan?;
- IV. bagaimanakah tingkah laku pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap penjagaan kebersihan persekitaran di kawasan sekolah khususnya di kawasan luar pagar sekolah?; dan
- V. apakah persepsi pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan persekitaran.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengamalan elemen kerohanian dalam program penjagaan kebersihan dalam Program 3K di sekolah menengah di Selangor, Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif-objektif khusus adalah seperti berikut;

- I mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan dan menganalisis perbezaan di antara di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar;
- II mengenal pasti tahap kewujudan penerapan elemen-elemen kerohanian dalam program penjagaan kebersihan dalam Program 3K di sekolah-sekolah menengah di Selangor;
- III menilai persepsi pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan;
- IV mengenal pasti tingkah laku pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah dan menganalisis perbezaan di antara di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar;
- V menilai persepsi pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan persekitaran; dan
- VI menganalisis perkaitan antara tahap pengetahuan pelajar terhadap Program 3K khususnya komponen kebersihan dengan tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah menengah di Selangor.

1.5 Kepentingan Kajian

Keputusan kajian yang dijalankan diharap dapat;

- I mendapatkan corak aktiviti yang biasa diamalkan tentang penjagaan kebersihan persekitaran oleh jawatankuasa pengurusan kebersihan yang diamalkan di sekolah-sekolah bawah kerajaan persekutuan terutamanya di negeri Selangor;

- II sebagai satu usaha fardu kifayah dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan yang mempunyai kaitan dalam syariat agama Islam;
- III sumbangan kepada bidang pengetahuan dalam konteks penyelidikan yang bersesuaian;
- IV perkongsian maklumat serta pengetahuan melalui penerbitan dan pengukuhan kepakaran dalam bidang berkaitan; dan
- V mencadangkan sesuatu aktiviti pemeraksanaan akhlak masyarakat terhadap alam sekitar seperti meningkatkan program bimbingan kerohanian.

1.6 Hipotesis Kajian

Noraini Idris (2010) mentakrifkan hipotesis sebagai pernyataan jangkaan awal yang dibuat tentang satu fenomena yang diselidik tentang hubungan kait antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dijangka mempunyai kaitan. Terdapat empat (4) hipotesis dalam kajian ini adalah seperti yang berikut;

1. Objektif I : mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar sekolah menengah di Selangor terhadap Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan dan menganalisis perbezaan di antara di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar.
 - H1_o tidak wujud perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan mengenai Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan antara pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dengan pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar di negeri Selangor;
 - H2_a wujud perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan mengenai Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan antara pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dengan pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar di Selangor;
2. Objektif IV : mengenal pasti tingkah laku pelajar sekolah menengah di negeri Selangor terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah dan menganalisis perbezaan di antara di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar.
 - H3_o tidak wujud perbezaan yang signifikan antara tingkah laku pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dengan pelajar di kawasan luar bandar di negeri Selangor terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah;

- H4_a wujud perbezaan yang signifikan antara tingkah laku pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dengan pelajar di kawasan luar bandar di Selangor terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah;
3. Objektif VI : mengenal pasti perkaitan antara tahap pengetahuan pelajar terhadap Program 3K khususnya komponen kebersihan dengan tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah menengah di negeri Selangor.
- H3_o tidak wujud perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelajar terhadap Program 3K khususnya komponen kebersihan dengan tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah menengah di negeri Selangor; dan
- H4_a wujud perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan pelajar terhadap Program 3K khususnya komponen kebersihan dengan tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah menengah di negeri Selangor.

1.7 Definisi Istilah

Kerohanian

Menurut asy-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah dalam bukunya Taqarrub, Mendekatkan Diri Kepada Allah, menjelaskan perkataan "rohani" dari segi Bahasa Melayu sering dimaksudkan dengan roh, batin atau yang berkaitan dengan jiwa yang menunjukkan sebagai suatu unsur peribadi manusia yang paling halus, yang tidak nampak oleh pancaindera, tetapi gejala dalam kerjanya dapat dirasakan. Gejala-gejala itu misalnya; menangkap dan menyimpan pengertian, mengingat, berfikir, berkemahuan, rindu, sedih, gembira dan sebagainya (asy-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah, 2004: 75).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 1339) perkataan kerohanian seperti kebatinan. Kerohanian atau rohani dalam maksud terhad, merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan roh. Manakala dalam maksud yang lebih luas membawa maksud semangat intrinsik yang dipunyai oleh segala jirim di dunia. Walaupun begitu, rohani sering dikaitkan dengan perasaan dalaman manusia yang melibatkan emosi sendiri dan penaalukan strategik.

Che Zurina Ismail (2006: 97-98) menjelaskan bahawa rohani atau kerohanian manusia adalah sumber kebahagiaan atau kecelakaan hidup seseorang. Rohani yang memandu segala anggota badan seseorang baik kepada

kebajikan mahupun kepada kejahatan. Oleh sebab itu mendidik roh atau jiwa dalam lebih berat dan sukar. Tetapi sesukaran ini dapat diatasi dengan bimbingan. Pembangunan kerohanian merupakan satu bentuk perkembangan rohani sebagai tujuan bagi kehidupan insan dan sebab bagi kejadiannya. Pembangunan kerohanian juga merupakan pembangunan yang memberi makna yang hakiki kepada diri insan dan kehidupannya. Tanpa pembangunan kerohanian, manusia akan hilang tujuan hidupnya.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah bawah kerajaan persekutuan di negeri Selangor, Malaysia. Sasaran populasi dalam kajian ini ialah pelajar menengah atas. Memandangkan pihak kementerian tidak membenarkan menjalankan kajian terhadap kelas peperiksaan iaitu SPM, oleh itu pelajar tingkatan empat (4) sahaja sebagai populasi yang dikaji.

1.9 Konsep dan teori

Konsep pendidikan Ibn Miskawaih akan mendasari dalam kajian ini. Konsep ditakrifkan sebagai pengertian am, idea yang mendasari sesuatu atau pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia).

Teori yang berkaitan turut dibicarakan dalam kajian ini. Takrifan teori menurut Sharifah Alwiah Alsagoff dalam buku beliau pada tahun 1985 yang berjudul *Sosiologi Pendidikan*, teori merupakan pernyataan yang memberikan organisasi kepada satu set konsep dengan cara yang bermakna agar perhubungan di antara konsep-konsep tersebut dapat diterangkan.

Kajian ini mengambil pengajaran daripada falsafah pendidikan yang dibawa oleh ilmuan Islam al-Farabi. Menurut beliau tujuan utama pendidikan adalah untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan. Perspektif pendidikan yang dibawa beliau adalah memperolehi pengetahuan dan ketrampilan, yang kemudian harus dikembangkan pada tujuannya iaitu membawa manusia kepada kesempurnaan. Menurutnya lagi, kewujudan sifat rohani setelah adanya badan dan jiwa tidak berpindah-pindah dari satu badan ke satu badan yang lain. Jiwa merupakan kesempurnaan bagi benda yang memiliki kehidupan yang potensi. Beliau berpendapat bahawa akal dan wahyu adalah satu hakikat yang padu. Sebarang percubaan dan usaha untuk memisahkan kedua-dua elemen tersebut akan melahirkan sebuah neraca yang pincang serta masyarakat yang kacau-bilau. Oleh itu, akal dan wahyu perlu dijadikan dasar pembinaan negara yang kuat, stabil dan makmur. Menurutnya lagi, manusia yang sempurna ialah manusia yang menguasai nilai-nilai murni dan mengamalkan dalam kehidupan serta menjadi teladan kepada orang lain (Gunaldi Ahmad, 2020).

Sebelum diteruskan menyentuh kepada konsep dan teori, pengkaji⁵ mencadangkan satu carta alir kemanusiaan. Carta alir kemanusiaan tersebut bertujuan supaya pembaca lebih mudah memahami tahap kemanusiaan yang dibincangkan dalam melihat kajian ini. Pengkaji mencadangkan carta alir kemanusiaan tersebut dengan sebutan transitif kemanusiaan. Cadangan transitif kemanusiaan adalah seperti dalam Rajah 1.2 berikut.



Rajah 1.2 : Transitif Kemanusiaan

⁵ Selain sebagai penulis, penulis juga boleh disebut sebagai pengkaji kerana penulis melakukan kajian ini.

1.9.1 Konsep Pendidikan Ibn Miskawaih

Konsep pendidikan yang dibawa oleh Ibn Miskawaih lebih berfokuskan kepada pendidikan akhlak. Dalam Islam, perihal etika dan moral dibincangkan dalam perihal akhlak. Akhlak yang dimaksudkan dalam Islam adalah perkara tentang moral dan etika melibatkan keimanan, ketuhanan dan kebahagiaan yang hakiki. Objektif pendidikan berperanan untuk membentuk tingkah laku mulia.

Tingkah laku tidak terjadi dengan sendirinya. Menurut Ibn Miskawaih membentuk sesuatu tingkah laku memerlukan latihan yang kerap supaya menjadi kebiasaan dan amalan secara dengan sendirinya tanpa proses pemikiran. Ibn Miskawaih menyebutnya dengan perkataan / kalimah akhlak. Menurut Ibn Miskawaih, akhlak merupakan bentuk *jamak* daripada perkataan *khuluq* yang bererti peri keadaan jiwa yang mengajak seseorang untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa difikirkan dan diperhitungkan sehingga menjadi fitrah manusia hasil latihan-latihan yang dilakukan (Ernita Dewi, 2011, Halimatus Sa'diyah, 2011).

1.9.2 Teori Perkembangan Moral Dan Etika


Teori ini mempunyai kaitan dalam kajian ini kerana teori ini sangat sesuai digunakan terhadap masyarakat yang majmuk seperti di Malaysia. Di sesebuah kawasan masyarakat, lazimnya terdapat amalan budaya moral dan etika yang sama seperti bertolak ansur apabila mengadakan majlis kenduri dan keraian. Hal ini bermaksud nilai moral dan etika yang diajarkan dalam pelbagai kitab ajaran dan kepercayaan mengandungi nasihat dan saranan yang sama kecuali agama Islam kerana agama Islam mempunyai tujuan kebahagiaan hidup di akhirat selain kebahagiaan di dunia semata-mata⁶. Sebagai contoh, dalam agama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu melarang melakukan pembunuhan, suruhan menghormati ibu bapa, larangan mencuri, bersikap jujur dan sebagainya (Mardzelah Makhsin, 2007). Mengikut teori ini, masyarakat bermoral dan beretika ialah masyarakat yang mampu mempertahankan nilai-nilai hidup yang baik ke arah membina kesejahteraan dan kebajikan individu dan masyarakat. Hal ini kerana moral dan etika merupakan dua aspek yang sangat penting dalam membina kekuatan dan ketahanan sesuatu masyarakat. Teori ini turut menjelaskan bahawa sesuatu masyarakat akan runtuh dan punah disebabkan oleh nilai moral dan nilai etikanya yang lemah yang menyebabkan berlaku pelbagai wabak sosial yang membawa kehancuran dan kemusnahan (Abd Rahim Abd Rashid, 2001).

⁶ Hanya agama Islam yang mampu meraih kebaikan di dunia dan akhirat kerana menurut dalil dalam al-Quran dalam surah Ali-Imran ayat ke-19 yang bermaksud "Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam." dan dalam surah al-Baqarah ayat ke-201 yang membicarakan tentang kebaikan di dunia dan di akhirat iaitu "Tuhan kami, kurnikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan jauhkanlah kami daripada azab neraka."

Tahap kebersihan persekitaran di negara ini secara umumnya bukanlah pada tahap yang baik. Lihat saja kebersihan rumah-rumah di kawasan pangsapuri lama, sungai, longkang, parit, kaki lima kedai, tepi jalan raya, pasar malam dan tempat-tempat lain dipenuhi dengan sampah sarap. Keadaan sebegini telahpun diselenggara atau dibersihkan oleh pekerja tukang sapu kerajaan tempatan. Jika kita membayangkan sekiranya tiada pekerja tukang sapu yang membersihkan sampah-sampah tersebut, pastinya negara ini menjadi negara sampah sarap. Oleh yang demikian, apabila didasarkan kepada teori tersebut, hal ini menggambarkan masyarakat negara ini secara umumnya sebenarnya mempunyai nilai murni, akhlak dan etika yang begitu lemah. Elemen kerohanian dalam sistem pendidikan negara ini yang meliputi nilai moral dan etika adalah perlu dilihat kembali maksud dan kedudukannya dalam membina masyarakat yang bertamadun.

1.10 Kerangka Konsep

Konsep Pendidikan al-Farabi



Rajah 1.3 : Kerangka Konsep

1.11 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab 1 ini menghuraikan tentang apakah justifikasi kajian dan seterusnya ianya menjadi tujuan kajian. Selain itu, bab ini merangkumi persoalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian sebagai langkah-langkah mencapai tujuan kajian. Selain itu, skop dan limitasi kajian dinyatakan sebagai menerangkan batasan-batasan dan keupayaan proses kajian dijalankan. Dua buah teori yang berkaitan dinyatakan dan bertepatan dengan tujuan kajian dihuraikan dan diaplikasikan. Kerangka konsep menunjukkan bagaimanakah hubungan komponen dengan lebih lanjut. -komponen dalam kajian dikaitkan untuk mencari keputusan yang diperlukan. Seterusnya bab 2 akan menerangkan lebih lanjut berkaitan tinjauan literatur untuk menyokong penyelidikan ini.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd
- Abdul Halim Abdullah (28 Mac, 2020). COVID-19 Buka Mata Warga Pendidik, Pelajar. *Berita Harian Online*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/670374/covid-19-buka-mata-warga-pendidik-pelajar>
- Abdul Latiff Ahmad, Samsudin A. Rahim, Latiffah Pawanteh & Fauziah Ahmad (2012). The Understanding of Environmental Citizenship among Malaysian Youth: A Study on Perception and Participation. *Canadian Center of Science and Education*, 8, 5, 85-92.
- Abdullah, Nurul Hidayah Liew, Shafii, Haryati & Seow Ta Wee (2013). *Pengetahuan dan tingkah laku murid terhadap alam sekitar: satu kajian awal*. In: Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke 4, 5-6 Mac 2013, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
- Abdullah, Nurul Hidayah Liew, Shafii, Haryati & Seow Ta Wee (2013). Pengetahuan Murid dan perkaitan Ibu Bapa Terhadap Kesedaran Alam Sekitar : Satu Kajian Awal. *Jurnal Teknologi (Social Science)*, 64 : 1, 51 - 57.
- Afeeqa Afeera (2014, September 27). Azmin: 'Kita bekerja kuat setiap hari, bukan 100 hari pertama'. *Selangor Kini*. Diambil daripada http://bm.selangorku.com/59547/azmin-isu-pbt-sampah-jalan-roya-pendidikan-perlu-diselesaikan-segera/?utm_source=dvr.it&utm_medium=twitter
- Ahmad Kilani Mohamed (2003). *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Mahdzan, A. (1992). Evaluation of teaching attitude patterns of Malaysian academics. *Akademika Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 40(1): 51-68.
- Ahmad Ridha' Hasbullah (1999). *Taqarrub : Mendekatkan Diri Kepada Allah S.W.T*. Penerbit al Hidayah. Kuala Lumpur

- Amir Hasan Dawi (1999). *Pentoeorian Sosiologi Dan Pendidikan*. Perak: Quantum Books.
- Amir H., S., & Chin C., K. (2012). Sikap dan Amalan Murid Sekolah Rendah dalam Konsep Lestari. Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari 2012, 19-20 September 2012, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam Pulau Pinang.
- Anita Agustina (April 2021). Perspektif Hadis Nabi SAW Mengenai Kebersihan Lingkungan. *Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin*. Vol. 1 No. 2. 96-104.
- Arba'at Hassan & Mohd. Zaid Ismail (2011). The infusion of Environment Education (EE) in chemistry teaching and students' awareness and attitudes towards environment in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 3404-3409.
- Azizi, M., Masitah, M. Y., Nazifah, S. I., Khaidir, A., & Noriati A. R. (n. d.). Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Sikap, Kesedaran Dengan Kepemimpinan Instruksional Pendidikan Alam Sekitar Dalam Kalangan Pengetua Di Negeri Kedah Dan Pulau Pinang. Diambil daripada <http://www.medc.com.my/medc/journals/volume5/D%29%20Hubungan%20Antara%20Tahap%20Pengetahuan.pdf>
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi data*. PTS Pendidikan.
- Babbie, E. (2010). *Research Methods for Social Work*. Belmont, CA: Cengage/Brooks & Cole.
- Bakhri, M. S. (2015). *Maha Guru Pesantren, Kisah Perjalanan Hidup Ulama Legendaris*. Madura: Erlangga.
- Bandura, Albert (1977). *Social Learning Theory*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Belli, R. F., Smith, L. M., Andreski, P. M., & Agrawal, S. (2007). Methodological comparisons between CATI event history calendar and standardized conventional questionnaire instruments. *Public Opinion Quarterly*, 71(4): 603-622.
- BERNAMA (2014, November 8). 91 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan. *Berita Harian Online*. Diambil daripada <http://www.bharian.com.my/node/16390>
- Che Zurina Ismail. 2006. *The Influence Of Students' Self-Esteem On Their Academic Achievement: a Case Study On UiTM Final Year Diploma Students In UiTM Kelantan, Terengganu And Pahang Campus*. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA
- Chong Oi Min & Mohammad Tahir Mapa (2020). *Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Datuk Peter Mojuntin Terhadap Program Kitar Semula*.

- Chua, K.K. (2006). *A methodology for FPGA to structured-ASIC synthesis and verification*.
- Colosi, L. (2006). *Designing an Effective Questionnaire*. Cornell University Cooperative Extension.
- Drs.SahatSimamora (1984). *Pengantar Sosiologi*. Indonesia: PT. BINA AKSARA.
- Ernita Dewi, 2011. Akhlak dan Kebahagiaan Hidup Ibnu Maskawaih. *Jurnal Substantia*, 13, 2.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2003). *How to Design and Evaluate Research in Education* (5th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Franz Magnis Suseno (2007). 13 Tokoh Etika Sejak Zaman Yunani Sampai Abad ke-19. Yogyakarta: Kanisius.
- Frazier, Patricia, A., Tix, Andrew, P., Barron, & Kenneth, E. (2004). Testing moderator and mediator effects in counseling psychology research. *Journal of Counseling Psychology*, 51(1): 115-134.
- Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari Anugerah alam Sekitar (2012). Terbitan Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference. 11.0 update* (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- GPS Bestari (2017). SK Parit Gantong Lancar Bulan 3K. Diambil dari <http://www.gpsbestari.com/berita/melaka/sk-parit-gantong-lancar-bulan-3k-1.639209>
- Gunaldi Ahmad (2020). Pemikiran Pendidikan Islam Menurut Al-Farabi. JIEBAR : Journal of Islamic Education: Basic and Applied Research Vol. 01, No. 01.
- Ibn-Khaldun (2006). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Muslim (1980). *Shahih Muslim*. Terjemahan oleh H. A. Razak & H. Rais Lathief. Jakarta. Pustaka Al-Husna
- Imam Nawawi (1996). *Hadith 40*. Terjemahan oleh Mustafa Abdul Rahman. Selangor: Dewan Pustaka Fajar

- Halimatus Sa'diyah (2011). Konsep Pendidikan Akhlak Perspektif Ibn Miskawaih. *Tadris*. 6, 267-279.
- Kamaruddin Hj. Hussin (1995). *Dinamika sekolah dan bilikdarjah*. Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Nurul Atika Bachok @ Nong Chik (2017). *Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian*. Siri 1 Remaja Hebat: Dasar Pembangunan Remaja Cemerlang. Penerbit UTM Press
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2018, 23 Julai). Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia. Diambil daripada http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/21/1019
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2013). Peningkatan Kes Denggi di Malaysia. Diambil daripada <http://www.moh.gov.my/attachments/9001.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2014). Situasi Semasa Demam Denggi Di Malaysia Bagi Minggu 42 tahun 2014 (12 Oktober – 18 Oktober 2014). Diambil daripada http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/17/585
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Program 3K. Diambil daripada <http://www.moe.gov.my/v/program-3k>
- Krida Salsabila & Anis Husni Firdaus (2018). Pendidikan Akhlak Menurut Syekh Kholil Bangkalan. *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*. Vol. 6, No. 1.
- Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Mengenai Situasi Semasa Demam Denggi, Zika Dan Chikungunya Di Malaysia -ME 22.2021-: KKM. 100-2/2/3 JLD./ (2)
- Lidwa Pusaka (n.d). Musnad Ahmad. *Ensiklopedi Hadith*. Dicapai daripada <http://app.lidwa.com/>
- Mahyuddin, A., & Maizura, M. Y. (2007). *Satu kajian cabaran guru di sekolah pedalaman daerah Muar, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Eprints.utm.my.
- Mardzelah Makhsin (2007). *Sains Pemikiran & Etika*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mia Fitriah ElKarimah (2016). Kajian al Qur'an dan Hadis Tentang Kesehatan Rohani dan Jasmani. *Jurnal Ilmu Ushuluddin*. Vol 15, No 1.
- Mohammad Apendy Issahak & Asrizal Aris (2014, November 7). Gelombang kedua. *MyMetro*. Diambil daripada <http://www.hmetro.com.my/node/7239>

- Mohd Fathi Adnan, Rohana Hamzah, Amirmudin Udin. (2010). Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Diambil daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/14917/>
- Mohd Najib, A. G. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Saad A., R. (2013, Mac 17). Konsep Kebersihan Islam Membentuk Masyarakat Yang Sihat. *Berita Harian*. Dipetik dari <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/7358-konsep-kebersihan-islam-membentuk-masyarakat-yang-sihat>
- Morgan, David L. (1993). *Successful focus group: advancing the state of the art*. California: Sage Publication, Inc.
- NCSS (n.d). Pilot Study Sample Size Rules of Thumb. Diambil daripada https://ncss-wpengine.netdna-ssl.com/wp-content/themes/ncss/pdf/Procedures/PASS/Pilot_Study_Sample_Size_Rules_of_Thumb.pdf
- Noor Hisham Abdullah (Jun 2016). Peningkatan Kes Demam Denggi Dan Situasi Terkini Zika Di Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia. Kuala Lumpur
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Nurhuda Mohamad Ramli & Muniandy M. Nathan (2020). Kajian Keberkesanan Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSP) Terhadap Joint Management Body (JMB) Di Pejabat Kesihatan Daerah Cheras. MAEH Journal of Environmental Health Vol. 01, No. 1, 20-23.
- Nurul Hidayah, L. A., Haryati, S., & Seow, T. W., (2013). Pengetahuan Murid dan Perkaitan Ibu Bapa Terhadap Alam Sekitar: Satu Kajian Awal. *Jurnal Teknologi*, 64:1, 51-57
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (2009). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Othman Ab. Rahman, Salhah Abdullah & Sapora Sipon (2014). Sosiologi Dalam Pendidikan (EAS3113). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Owens, L. K. (2002). *Introduction to Survey Reserch Design*. SRL Fall 2002 Seminar Series.
- Postlethwaite, T. N. (2005). Educational research: Some basic concepts and terminology. *Quantitative Research Methods in Educational Planning*, 2-52.

- Pusat Perkembangan Kurikulum (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR/ KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (n.d). Gerbang Maya Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Dicapai daripada <http://prpmv1.dbp.gov.my/>
- Raosoft (n.d). Sample size calculator. Diambil daripada <http://www.raosoft.com/samplesize.html>
- Rosidah Asmawi (2006). *Kesedaran Nilai Amalan Kebersihan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Master. Diambil daripada Universiti Malaya. LB7 UM 2006 Rosa
- Rozumah, B., & Shereen, Z. (2010). Using the 12-item general health questionnaire (GHQ-12) to assess the psychological health of Malaysian college students. *Global Journal of Health Science*.
- Rusni Mohd Nor (2005). *Perkaitan antara budaya sekolah dengan pencapaian akademik pelajar di Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha, M. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: EdusystemSdn Bhd.
- Sabitha, M. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall/ Pearson Malaysia.
- Sayang Sabah (2016). SJK (C) Chi Yun, sekolah pertama lancar program '3K', 'SUDUT SISA SIFAR'. Diambil dari <https://www.sayangsabah.com/sjk-c-chi-yun-sekolah-pertama-lancar-program-3k-sudut-sisa-sifar/>
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (4th ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Seow Ta Wee & Indera Syahrul Mat Radzuan, (2010). Sikap Masyarakat Terhadap Program Kitar Semula: Kajian Kes Di Daerah Batu Pahat, Johor. *Journal of Techno-Social*, 2, 1.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1985). *Sosiologi Pendidikan*. Selangor: Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd.
- Sharifah Zarina Syed Zakaria & Lilia Hashim (2009). A Study on Malaysia Primary School Science Education: Foundation for Environment Knowledge. *The Social Sciences* 4, 6, 604-609.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis: Sebuah Buku Mesra Pengguna*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Skager, & Weinberg. (1971). *Fundamental of Educational Research: An Introductory Approach*. London: Scott, Foreman and Company.

- Suara Perak (2017).SK Tanah Hitam Juarai Program 3K. Diambil dari <http://suaraperak.com/sk-tanah-hitam-juarai-program-3k/>
- Syed Arabi, I. (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tamby Subahan Mohd Meerah, Lilia Halim & Thiagarajan Nadeson (2010). Environmental Citizenship: What level of knowledge, attitude, skill and participant the student own? *Procedia Social and Behavioral Science* 2, 5715-5719.
- Tan Pei San & Norzaini Azman (2011). Hubungan antara Komitmen Terhadap Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal personalia Pelajar*, 14, 11-22.
- Toha Machsun (2018). Pemikiran Pendidikan Akhlak al-Ghazālī dan Ibn Miskawayh. *Jurnal El-Banat*. Vol. 8, No.1.
- Utusan (2014, November 8). Sampah pertanian puncabanjir. *Utusan Online*. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sampah-pertanian-punca-banjir-1.22156>
- Utusan (2016, 7 September). Kaitan Sampah dan Penyakit. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/kaitan-sampah-dan-penyakit-1.379449>
- Utusan (2017, 14 Jun). Isu longkang 'hantui' penduduk Jalan Kemboja 15. Diambil dari <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/melaka/isu-longkang-8216-hantui-8217-penduduk-jalan-kemboja-15-1.492942>
- Utusan (2017, Jun 16). Kes Denggi di Kedah Meningkat. Di ambil dari <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kedah/kes-denggi-di-kedah-meningkat-1.493728>
- Yoke Suryadarma & Hamad Hifdzil Haq (Disember 2015). *Jurnal At-Ta'dib, Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali*, Vol. 10, No.2, 361-381.
- Youtube (2015, April 29). [Old PSA] Tiada Aedes Tiada Denggi (2000s). Diambil dari <https://www.youtube.com/watch?v=uo1Mul5KZUY>
- Zahari Mahad Musa (Disember 2014). Amalan 5S Dalam Persekitaran Rumah Kediaman Menurut Perspektif Islam. *Esteem Academic Journal*. Vol. 10, No. 2, 98-113.
- Zaid Husein, A. (2011). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Darul Nu'man: Kuala Lumpur
- Zainal Kling (2011). *Konsep Wasatiyyah : Perspektif Sosial Sains*. Konvensyen Wasatiyyah 9 Jun 2011. Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.

Zaini Ujang (2009) *Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Zulfahmi Syamsuddin & Wan Hasmah Wan Mamat (Julai 2014). Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak Al-Ghazali Dan Ibn Miskawayh Dalam Aspek Intelek. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 2 Issue 2118.

